



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

MEI 2021
May 2021



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENINGKAT SEBANYAK 1.1 PERATUS
TAHUN-KE-TAHUN BAGI BULAN MEI 2021**

1. IHP bagi bulan Mei 2021 meningkat sebanyak 1.1 peratus tahun-ke-tahun berbanding dengan bulan Mei 2020. Harga Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 0.9 peratus. Manakala, harga Bukan Makanan meningkat sebanyak 1.2 peratus.
2. Peningkatan IHP adalah didorong oleh peningkatan harga dan kos Pengangkutan (6.7 peratus); Makanan dan Minuman Ringan (0.9 peratus); dan Restoran dan Hotel (0.7 peratus). Walaubagaimanapun, peningkatan ini diimbangi oleh penurunan harga dan kos Pakaian dan Kasut (5.0 peratus); Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (2.6 peratus); dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (0.2 peratus).
3. Kenaikan bagi harga Pengangkutan adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga kenderaan bermotor diikuti oleh tiket penerbangan akibat jadual penerbangan yang terhad.
4. Harga Makanan dan Minuman Ringan yang meningkat adalah disebabkan oleh kenaikan harga makanan seperti daging terutamanya daging lembu dan kerbau; minyak masak; dan buah-buahan segar. Kenaikan harga daging lembu dan kerbau adalah antarlainnya disebabkan oleh kos import yang meningkat.
5. Kos Restoran dan Hotel yang meningkat adalah didorong oleh peningkatan harga menu yang terpilih bagi katering berkontrak dan juga di restoran dan kafe, dan kedai makanan segera dan tempat makanan yang lain.
6. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP bagi bulan Mei 2021 menurun sebanyak 0.1 peratus berbanding dengan bulan April 2021. Indeks Makanan dan Minuman Ringan menurun sebanyak 0.4 peratus. Manakala, Indeks Bukan Makanan menurun sebanyak 0.1 peratus.
7. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Mei 2021 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn.

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MEI 2021


IHP mengukur perubahan harga pada sebakul tetap barangan dan perkhidmatan yang dibeli oleh sebahagian besar isi rumah di Negara Brunei Darussalam.



INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MEI 2021

PENYUMBANG UTAMA KEPADA PERUBAHAN TAHUNAN

1



Pengangkutan

▲ 6.7

◀ Kereta

◀ Tiket penerbangan

2



Makanan dan
Minuman

▲ 0.9

◀ Daging

◀ Minyak masak

◀ Buah-buahan segar

3



Restoran dan Hotel

▲ 0.7

◀ Katering berkontrak



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) INCREASED BY 1.1 PER CENT
YEAR-ON-YEAR IN MAY 2021**

1. *The CPI in May 2021 increased by 1.1 per cent year-on-year compared to May 2020. Prices of Food and Non-Alcoholic Beverages increased by 0.9 per cent. Meanwhile, Non-Food prices increased by 1.2 per cent.*
2. *The CPI increase was largely attributed to increases in the prices and costs of Transport (6.7 per cent); Food and Non-Alcoholic Beverages (0.9 per cent); and Restaurants and Hotels (0.7 per cent). However, this was moderated by the decrease in prices and costs of Clothing and Footwear (5.0 per cent); Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (2.6 per cent); and Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels (0.2 per cent).*
3. *The increase in prices of Transport was largely attributed to the rise in prices of motor cars followed by air tickets in light of limited number of scheduled flights.*
4. *The increase in prices of Food and Non-Alcoholic Beverages was due to the hike in food prices such as meat especially beef and buffalo; cooking oil; and fresh fruits. The increase in the prices of beef and buffalo was, among others, due to increase in the costs of import.*
5. *The rising costs of Restaurants and Hotels were driven by the increase in prices in selected menu for contract catering as well as in restaurants and cafes, and fast-food outlets and other eating places.*
6. *On a month-on-month basis, the CPI in May 2021 decreased by 0.1 per cent compared to April 2021. The Food and Non-Alcoholic Beverages Index decreased by 0.4 per cent while the Non-Food Index decreased by 0.1 per cent.*
7. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for May 2021 is available from DEPS' website: www.deps.gov.bn.*

CONSUMER PRICE INDEX (CPI)

MAY 2021

CPI measures the changes in prices of a fixed basket of goods and services purchased by the majority of household in Brunei Darussalam.



CONSUMER PRICE INDEX (CPI) MAY 2021

MAIN CONTRIBUTORS TO YEAR-ON-YEAR CHANGES

1



Transport

▲ 6.7

Motor cars

Air tickets

2



**Food and Non-
Alcoholic
Beverages**


▲ 0.9

Meat

Cooking Oil

Fresh Fruits

3



**Restaurants and
Hotels**

▲ 0.7

Contract catering